

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan program komuniti yang sudah dilaksanakan dan dirancang oleh NGO dan agensi Kerajaan bagi memerangi COVID-19 serta senaraikan bukti kesiapsiagaan Kementerian menangani pandemik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menggariskan enam (6) kriteria** dalam menghentikan penularan pandemik COVID 19 ini dengan salah satunya ialah **mendidik dan memperkasa komuniti untuk mengamalkan dan membudayakan normal-normal baharu.** Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan **pendekatan CAPP (Cegah & Didik, Amal, Patuh dan Pantau)** dalam **Kempen Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti.**
2. KKM telah merancang dan melaksanakan program dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. **Dua (2) program utama** yang bertindak sebagai wadah pelaksanaan usaha pemerkasaan komuniti ini adalah **Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN)** dan **Program Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Communication for Behavioural Impact - COMBI).**

3. Terdapat **1,085 lokaliti di seluruh negara yang menjalankan program KOSPEN melibatkan 5,000 sukarelawan** dan **3,031 lokaliti di seluruh negara yang menjalankan program COMBI melibatkan 26,605 sukarelawan**. Sukarelawan-sukarelawan ini telah menjadi agen kesihatan dalam kalangan komuniti bagi menyampaikan mesej dan mendidik komuniti untuk mengamalkan normal baharu dalam urusan seharian. **Sehingga 30 Oktober 2020**, KKM telah melaksanakan **12,018 sesi libat urus dengan kehadiran 131,478 komuniti yang dilaksanakan bersama komuniti dan NGO**.

4. Aktiviti di lapangan ini turut disokong oleh penyampaian mesej melalui media konvensional dan media sosial. Sebanyak **2,192 slot televisyen dan radio** telah digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej normal baharu, manakala **media sosial KKM seperti facebook, twitter, telegram, instagram, youtube dan laman sesawang pula mencatatkan 258,264,335 followers dan viewers**.

5. Bagi penduduk luar bandar, penyampaian mesej pula menggunakan **Pasukan Bergerak secara kolaborasi dengan Jabatan Penerangan** dan sehingga kini, sebanyak **3,529 sesi hebahan** dan pengedaran sebanyak **94,982 bahan bercetak** kepada komuniti telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi meningkatkan lagi aktiviti pemeraksanaan di peringkat komuniti, beberapa program dan aktiviti telah dirancang menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) antaranya;

- i) **memperkukuhkan kempen norma baharu** di peringkat negeri, daerah, institusi dan hospital;
- ii) **membina upaya agen kesihatan** yang terdiri daripada ketua komuniti, majlis perwakilan penduduk berkaitan Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau (CAPP) di bawah *Program District Risk Reduction Programme (DRRP)*; dan

- iii) memperkasa NGO dan rakan strategik komuniti sebagai agen pelaksana dalam menggerakkan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kesiapsiagaan KKM adalah penting dalam menangani wabak dan pandemik penyakit berjangkit, antaranya adalah:
- i. sistem surveilan yang mampan dan mampu mengesan sebarang kejadian luar jangka atau luar biasa;
 - ii. pasukan tindak cepat yang terlatih untuk melakukan siasatan dan penilaian ke atas sesuatu kejadian;
 - iii. sistem sokongan yang kukuh seperti makmal bagi menjalankan ujian ke atas sampel, logistik yang tersusun dan sistematik dan lain-lain;
 - iv. pakar-pakar yang terlatih dalam merawat dan mengendalikan kes-kes dengan penyakit berjangkit;
 - v. hospital yang dilengkapi dengan keperluan pengasingan dan perawatan pesakit dengan penyakit berjangkit, termasuk wad isolasi, wad unit rawatan rapi (ICU), kelengkapan alat bantuan pernafasan dan sebagainya;
 - vi. stockpile ubat-ubatan dan alat perlindungan diri (PPE); dan
 - vii. penyelarasan dan kerjasama padu antara agensi dalam menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan.

Sekian, terima kasih.